

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA  
KUALA LUMPUR**

**NO. SEBUT HARGA: UTM/BMS/UB/SH/05/2022/READCAFE**

**KENYATAAN PELAWAAN TAWARAN SEBUT HARGA**

1. Tawaran sebut harga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan** di bawah tajuk **040103 – Makanan Bermasak Islam** dan berdaftar dengan **Sistem Pendaftaran Syarikat (UTMfin)** yang masih dibenarkan membuat tawaran sebut harga di Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur.
2. Penyebutharga hendaklah mempunyai kriteria seperti berikut :
  - i) Penyebutharga mempunyai kemudahan modal perniagaan.
  - ii) Penyebutharga mempunyai sijil yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dalam Penyediaan Makanan dan Minuman.
  - iii) Penyebutharga mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman dalam penyediaan makanan dan minuman.
3. Pengusaha yang diwajibkan boleh menghadiri sesi taklimat yang akan diadakan pada **30 November 2022** di **Dewan Seminar, Anjung Menara Razak** pada jam **11.00 pagi**.
4. Naskhah Meja Sebut harga akan dipamerkan di Seksyen Pengurusan Perniagaan (BMS), Aras 16, Menara Razak, UTM Kuala Lumpur pada **17 November 2022** hingga **6 Disember 2022**.

**HARI**

**WAKTU**

Isnin hingga Khamis	-	9.00 pagi hingga 4.30 petang
Jumaat	-	9.00 pagi hingga 12.00 tengahari 3.00 petang hingga 4.30 petang

5. Dokumen Sebut harga akan dijual mulai **17 November 2022** hingga **6 Disember 2022** mengikut waktu-waktu seperti yang disebut di perenggan 4. Dokumen Sebut harga tidak akan dijual selepas tempoh ini.

6. Dokumen Sebut harga hanya akan dikeluarkan kepada pegawai kontraktor yang namanya berdaftar dalam Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan atau Surat Pendaftaran Syarikat (ROC/ROB) atau Borang 49.
7. Pegawai atau kontraktor dikehendaki membawa dokumen seperti dibawah ini bagi melayakkan kontraktor diberi dokumen sebut harga:
  - (a) Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan yang ASAL;
  - (b) Sijil Pengiktirafan Taraf Bumiputra yang ASAL;
  - (c) Surat Pendaftaran Syarikat (ROC/ROB) yang ASAL;
  - (d) Borang 49 yang ASAL; dan
  - (e) Sijil Pendaftaran Syarikat (UTMfin)
  - (f) Bukti pembayaran berjumlah **RM35.00** (jika ingin membeli sebut harga)
8. Sebut harga ini akan ditutup pada **6 Disember 2022** jam **12.00 tengahari**. Dokumen Sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermetri dengan dicatat No. Sebut Harga: **UTM/BMS/UB/SH/05/2022/READCAFE** dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di **Seksyen Pengurusan Perniagaan (BMS)**, Aras 16, Menara Razak, UTM Kuala Lumpur tidak lewat daripada jam 12.00 tengahari pada tarikh tersebut.
9. Dokumen sebut harga boleh didapati selepas mengemukakan bayaran sebanyak **RM35.00** secara **Deposit Tunai atau Kredit ke bank (“interbank transfer” ke akaun bank rasmi Universiti iaitu Bank Islam Malaysia Berhad; 1403 2010 0356 30 atas nama Bendahari Universiti Teknologi Malaysia.**
10. Sebarang pertanyaan boleh berhubung terus dengan urusetia **En. Kamarul Azizi** di talian **03-2180 5361/5412**, kamarulazizi@utm.my

**NO. SEBUT HARGA: UTM/BMS/UB/SH/05/2022/READCAFE**

**ARAHAN KEPADA KONTRAKTOR**

**1. PERIHAL SEBUT HARGA**

- 1.1 Sebut Harga ini adalah bertujuan untuk mempelawa mana-mana Pengusaha Kedai Kopi (*Coffee Shop*) yang berkonsepkan Kafe yang berdaftar secara sah mengikut peruntukan undang-undang yang sedang berkuatkuasa untuk mengemukakan cadangan:
  - 1.1.1 Pengurusan dan Pengoperasian Sebuah Read Café yang berkonsepkan santai dan serbaguna di Ruang Perpustakaan Menara Razak, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Kuala Lumpur.
- 1.2 Penyebut harga yang Berjaya akan dilantik untuk menguruskan operasi Read Café di Ruang Perpustakaan Menara Razak Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Kuala Lumpur yang akan menawarkan pelbagai tawaran menu yang menarik dan mampu mewujudkan satu ruang bagi menggalakkan aktiviti mempromosi budaya ilmu dalam kalangan pelajar, staf dan juga pelawat yang berkunjung ke Read Café, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Kuala Lumpur.
- 1.3 Penyebut harga yang Berjaya juga akan diberikan hak beroperasi di dalam Ruang Perpustakaan Menara Razak, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Kuala Lumpur. Syarikat perlu menjalankan kerja-kerja pengubahsuaian dan naik taraf serta menguruskan operasi dan penyelenggaraan ruang yang disediakan di lokasi seperti yang dinyatakan. Kerja-kerja ini perlu dilakukan sebelum pengoperasian dan pengendalian ruang Read Café.
- 1.4 Syarikat dibenarkan untuk membuat penjenamaan dengan menggunakan jenama syarikat dan kemudian akan diikuti oleh “@ Read Café, UTM Kuala Lumpur”.
- 1.5 Arahan kepada Penyebut Harga hendaklah dipatuhi dan digunakan sebagai asas untuk penyediaan dan penyerahan cadangan yang akan menjadi sebahagian daripada Sebut Harga

ini. Pemilihan akan dibuat berdasarkan penilaian cadangan yang dikemukakan.

## **2. HAK UNIVERSITI UNTUK MENERIMA/MENOLAK SEBUT HARGA**

Universiti adalah tidak terikat untuk menerima mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut harga adalah muktamad.

## **3. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA**

### **3.1 Penyediaan Sebut harga**

Pengusaha adalah dikehendaki mengisi segala maklumat berikut dengan sepenuhnya :

- i. Menandatangani Borang Tawaran Sebut harga (WAJIB)
- ii. Mengisi Kadar Harga di Lampiran Jadual Tawaran Menu & Kadar Harga (WAJIB)
- iii. Menyediakan dan mengisi borang seperti di lampiran
- iv. Menyediakan maklumat seperti di Senarai Semakan
- v. Melampirkan butir-butir maklumat berkaitan (jika ada)

Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas, pengusaha hendaklah menandatangani ringkas semua pembedulan.

### **3.2 Sesi Taklimat dan Lawatan Tapak**

Sesi Taklimat adalah DIWAJIBKAN kepada syarikat yang menyertai pelawaan sebut harga ini dan diadakan pada tarikh, masa dan tempat seperti di Iklan Kenyataan Tawaran Sebut Harga.

### **3.3 Penyerahan Dokumen Sebut harga**

- a) Dokumen sebut harga yang diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri yang dicatatkan dengan tajuk dan no. sebut harga; dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam dalam Kenyataan Pelawaan Tawaran Sebut harga.

- b) Jika Dokumen Sebut harga tidak diserahkan dengan tangan, pengusaha hendaklah menghantar dokumen tersebut secara pos pada atau sebelum masa dan tarikh yang ditetapkan.
- c) Sebut harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

### **3.4 Penjelasan Lanjut**

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebut harga yang tidak jelas atau mencanggah, pengusaha boleh menghubungi pejabat ini untuk penjelasan lanjut.

## **4. PERBELANJAAN PENYEDIAAN DOKUMEN SEBUT HARGA**

Semua perbelanjaan bagi penyediaan sebut harga ini hendaklah ditanggung oleh pengusaha sendiri.

## **5. TEMPOH SAHLAKU DOKUMEN SEBUT HARGA**

Sebut harga ini sahlaku selama **sembilan puluh (90)** hari dari tarikh tutup sebut harga. Pengusaha tidak boleh menarik balik sebut harga sebelum tamat tempoh sahlaku sebut harga. Pengesyoran tindakan penyenarai hitaman akan diambil sekiranya pengusaha menarik balik tawaran sebelum tamat tempoh sah sebut harga.

## **6. SYARAT-SYARAT AM**

Pelawaan sebut harga ini adalah terikat dengan syarat-syarat yang terkandung di dalam syarat-syarat tawaran sebut harga, syarat-syarat dan peraturan kontrak, peraturan perkhidmatan UTM dan spesifikasi sebut harga.


## **7. SURAT MENYURAT DARI PENGUSAHA YANG TIDAK BERJAYA**

Universiti tidak akan melayan sebarang surat menyurat dari pengusaha mengenai sebab-sebab sebut harga yang tidak berjaya.

## **8. SEBUT HARGA YANG TIDAK MENGIKUT ARAHAN-ARAHAN DI ATAS**

Sebut harga yang dibuat dengan tidak mengikut arahan-arahan di atas tidak akan dipertimbangkan.


PELAN LANTAI READ CAFÉ, UTM KUALA LUMPUR



**PETUNJUK:**

Ruang Read Café

Contoh Lakaran Ilustrasi Read Cafe



K(f)/2